

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



"KERAJAAN terutama Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memberi peranan dan tanggungjawab kepada

golongan wanita termasuk menyandang jawatan tinggi. Ini jelas bahawa kami sebenarnya mampu membantu memajukan negara demi masa depan yang gemilang."

AMIRA HANI MUHAMMAD KHADHRI, 20
Pelajar Universiti Putra Malaysia



"WANITA bukan lagi seperti dahulu yang hanya menjalankan tanggungjawab di rumah. Mereka mampu duduk sama

rendah berdiri sama tinggi dengan golongan lelaki dalam bidang tertentu."

MARYLINE MARTIN, 24
Pelajar Politeknik Banting



"SAYA berbangga dengan pencapaian wanita di negara ini yang telah banyak diberi peluang dalam

pelbagai bidang termasuk akademik."

NUR HAFEEZAH AZIZAN, 20
Pelajar Politeknik Banting

Buang stigma negatif terhadap wanita

KUALA LUMPUR 28 Mac - Stigma negatif terhadap wanita perlu dihapuskan bagi memastikan golongan itu mampu bersaing ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr. Aini Ideris berkata, perasaan rendah diri juga seharusnya dielakkan oleh golongan wanita supaya mereka dapat menegenahkan bakat serta menonjolkan diri di peringkat lebih tinggi.

Malah katanya, wanita juga perlu sentiasa mencari mekanisme terbaik untuk menepis stigma negatif yang sering dilemparkan oleh golongan tertentu terhadap mereka.

"Peranan golongan itu sebenarnya tidak hanya terhadap kepada satu bidang seperti yang sering digambarkan. Walaupun wanita ada tanggungjawab lebih besar seperti memasak dan menjaga anak, mereka mampu pergi

lebih jauh.

"Contohnya, ada golongan profesional wanita yang tetap melakukan kerja rumah sebaik sahaja tamat tempoh bekerja. Jadi tiada apa yang membataskan mereka," katanya dalam program #KITKeeping in Touch bertemakan #WomenInHigherEducation di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, dekat sini kelmarin.

Dalam pada itu, Aini berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi dan UPM sentiasa bekerja keras bagi memperkasakan institusi tersebut termasuk golongan wanita sama ada pelajar atau ahli akademik.

"Kita menyambut baik usaha KPT yang memberi perhatian kepada wanita terutama kepada mereka yang ada pengalaman serta memiliki kejayaan tinggi.

"Sebab itulah kita tunjukkan pelbagai kejayaan mereka dalam bidang masing-masing," ujarnya.



IDRIS JUSOH bersama Dr. Aini Ideris (kanan) dalam program #KITKeeping In Touch Bersama Menteri Pendidikan Tinggi di Universiti Putra Malaysia, Serdang, kelmarin.